

SOALAN NO: 120

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG

SOALAN:

**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) kejayaan Kementerian mencapai Teras 5 Pelan Strategik untuk membangunkan sumber manusia yang berdaya saing; dan
- (b) usaha Kementerian untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing

PR-1322-T62604

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Teras 5 Kementerian Sumber Manusia adalah berkaitan membangunkan sumber manusia negara yang berdaya saing. Tujuan teras ini adalah untuk membangunkan modal insan negara yang mahir, kompeten dan berdisiplin dalam pasaran buruh negara selaras dengan hasrat negara untuk mencapai 50 peratus tenaga kerja mahir menjelang tahun 2020.

(b) Tuan Yang Di Pertua,

Bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing di negara ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut :

**i. keperluan sebenar**

Kerajaan telah menetapkan proses, prosedur dan mekanisme dalam permohonan pengajian pekerja asing bagi menentukan keperluan sebenar yang telah dipertanggungjawabkan kepada beberapa agensi kawal selia.

**ii. Mengetatkan Prosedur Pengeluaran Sijil JobsMalaysia**

Setiap permohonan Sijil JobsMalaysia ini akan disiasat dengan teliti bagi memastikan majikan berkenaan benar-benar layak menggajikan pekerja asing dan bukan daripada majikan yang bermasalah. Kekosongan dalam sektor-sektor berkenaan perlulah ditawarkan kepada pekerja tempatan terlebih dahulu melalui portal JobsMalaysia sebelum permohonan pekerja asing dibenarkan;

**iii. gaji minimum**

Kecenderungan majikan untuk bergantung kepada pekerja asing yang kurang mahir dan bergaji rendah dapat dikurangkan kerana majikan perlu menawarkan gaji yang sama seperti mana yang dinikmati oleh pekerja tempatan.

**iv. tempoh penggajian**

tempoh penggajian pekerja asing adalah ditetapkan 5 + 5 tahun sahaja;

**v. *exit policy***

dasar penggajian pekerja asing sentiasa ditambah baik dari segi penentuan mekanisme pengambilan pekerja asing yang mesti mengutamakan *exit strategy* seperti pelan latihan kemahiran kepada pekerja tempatan untuk menggantikan pekerja asing, menetapkan ratio pekerja tempatan dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan serta mekanisme kenaikan levi secara berperingkat dan ditanggung majikan.

**vi. Pengambilan pekerja asing untuk sektor dan subsektor kritikal**

penggajian pekerja asing diluluskan bagi sektor dan subsektor kritikal sahaja dimana pekerja tempatan kurang berminat. Pekerja asing juga tidak dibenarkan bekerja di barisan hadapan (*frontliner*);